

08 MAY 1998

Yong-jawatan

YONG KATA PENGGANTINYA PERLU JADI PEMIMPIN UNTUK SEMUA

KOTA KINABALU, 9 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee berkata hari ini penggantinya yang akan mengetuai kerajaan negeri Sabah dan Barisan Nasional Sabah perlu menjadi seorang pemimpin untuk semua.

Dalam melaungkan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Ketua Menteri yang baru perlu disokong dan diterima oleh semua pihak, Yong berkata pemimpin baru itu perlu mengambil berat tentang semua orang tidak kira dari parti mana.

"Konsep yang serupa perlu diguna pakai seperti juga bagi Tun Sakaran Dandai dan Datuk Salleh Said Keruak, Ketua-Ketua Menteri sebelum saya," katanya ketika berucap kepada rombongan seramai 36 anggota dari Badan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Sabah (Bakisa) yang mengunjungi beliau di pejabatnya di sini.

Ramai di sini yang menjangka Perdana Menteri akan mengumumkan pelantikan Ketua Menteri baru dari kalangan Bumiputra bukan Islam mengikut sistem pergiliran di Sabah pada lawatan singkatnya semalam, tetapi Dr Mahathir berkata beliau akan mengumumkannya kemudian.

Antara calon yang dikatakan berpotensi untuk jawatan itu ialah Timbalan Ketua Menteri sekarang Datuk Joseph Kurup yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) dan Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar dan Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS).

Yong berkata adalah penting konsep "pemimpin untuk semua" diamalkan dalam sistem pergiliran itu bagi mengelakkan kebimbangan bahawa pertukaran kepimpinan akan menyebabkan kepincangan.

"Pada asasnya, kita dapati ia bukanlah begitu, dan kebimbangan itu tidak berasas. Hanya perubahan kecil yang berlaku dari segi personaliti dan stail kepimpinan manakala peranan dan tanggungjawab tidak berubah," kata Yong yang akan mengakhiri gilirannya akhir bulan ini.

Yong juga memberi jaminan bahawa apabila tiba masanya, penyerahan tugas kepada Ketua Menteri Baru akan berlaku dengan licin dan berjanji akan terus memberi sumbangan yang positif.

Sistem itu adalah idea Dr Mahathir sebelum pilihan raya negeri 1994 untuk memberi peluang kepada pemimpin dari tiga kaum terbesar di Sabah -- Bumiputra Islam, Bumiputra bukan Islam dan Cina -- untuk menerajui kerajaan negeri setiap dua tahun seorang.

-- BERNAMA

JS WAT